



PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi Di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya)

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang dinyatakan dalam jadual di bawah bagi menyertai tender berikut:

NO. / TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT
PKKM/IKN/T/02/2018 TENDER BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENYEDIA DAN MENGHIDANG MAKANAN BERMASAK HALAL KEPADA INSTITUT KRAF NEGARA, PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA	<u>Kod Bidang</u> 040103 - Makanan Bermasak (Islam)	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	30 Oktober 2018 (Selasa) Tepat jam 12.00 tengah hari	Tarikh: 9 Oktober 2018 (Selasa) Masa: Jam 10.00 pagi Tempat: Dewan Limar Institut Kraf Negara, No. 1, KM 20, Jalan Ipoh-Rawang, Taman Rekreasi Templer, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan (KEHADIRAN DIWAJIBKAN)
(Tempoh perkhidmatan adalah 2 tahun)				

1. Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **9 Oktober 2018** hingga **30 Oktober 2018** di Unit Pengurusan Perkhidmatan, Institut Kraf Negara, No. 1, KM 20, Jalan Ipoh-Rawang, Taman Rekreasi Templer, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
2. Dokumen ini boleh **dibeli** dengan menggunakan **Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos** atas nama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
3. Dokumen tender hanya dijual kepada syarikat yang menunjukkan Sijil Asal Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya berserta satu salinan sijil tersebut (tidak dikembalikan). Naskhah Meja Tender akan dipamerkan di alamat seperti di atas pada waktu pejabat.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sepenuhnya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender di bahagian atas sebelah kiri tanpa pengenalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Aras G, Bangunan Seri Utama
Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur

5. Dokumen tender hendaklah sampai ke alamat seperti di atas tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari pada **30 Oktober 2018 (Selasa)**. Dokumen Tender yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.
6. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web www.kraftangan.gov.my.